

18 MAR 1999

Umno-Fitnah

UMNO AKAN RAKAM KUTBAH JUMAAT DAN CERAMAH ATASI FITNAH

KOTA BAHARU, 18 Mac (Bernama) -- Umno akan merakamkan khutbah Jumaat dan ceramah oleh pihak tertentu sebagai langkah mengatasi penyebaran fitnah sehingga boleh mengancam keselamatan rakyat dan negara.

Anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno Senator Datuk Ibrahim Ali berkata ketua penerangan Umno di semua peringkat akan diarah untuk membuat rakaman itu.

Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata demikian berikutan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam tadi bahawa fitnah yang dilemparkan terhadap beliau dan para pemimpin kerajaan kini menjadi masalah keselamatan yang tidak boleh dipandang ringan.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno dilaporkan berkata terdapat pihak yang menyebarkan pita rakaman menyeru orang Islam membunuh orang lain termasuk beliau sendiri.

Ibrahim mencabar pihak-pihak terbabit supaya tampil ke hadapan sekiranya mempunyai bukti terhadap apa yang mereka dakwa agar tindakan yang lebih berkesan dapat diambil.

"Kalau mereka ini orang yang bertanggungjawab untuk menegakkan kebenaran, mereka boleh membuat laporan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR)," katanya .

Beliau berkata beliau bersedia untuk membantu pihak terbabit termasuk menyediakan peguam sekiranya pihak yang membuat dakwaan itu ingin membawa perkara itu ke mahkamah bagi menentukan kebenarannya.

Ibrahim menunjukkan kepada pemberita sebuah pita rakaman sebagaimana yang dikatakan oleh Perdana Menteri, yang diperolehinya dari sebuah sekolah di negeri ini.

Beliau juga menunjukkan sebuah majalah bulanan tempatan yang didakwa mengandungi tuduhan terhadap Perdana Menteri dengan memutar-belitkan ucapan yang dibuat oleh beliau.

Ibrahim berkata ada banyak lagi majalah seumpama itu yang memutar-belitkan kenyataan Perdana Menteri sehingga mengelirukan rakyat, pada hal dalam masa yang sama mereka menuduh kerajaan menyekat kebebasan bersuara.

Katanya kini telah ada pula pita rakaman ucapan anggota parti pembangkang yang membuat pelbagai tohmahan kepada kerajaan, tetapi pada kulitnya diletakkan gambar pemimpin Umno.

-- BERNAMA

BD NMO